KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

# LAPORAN

## PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2025

# POLYCC TALENT KALI KE-17 SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2025

SMARTGREEN POLYCC

POLITEKNIK KUCHING SARWAK

**LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM**

| | | |
|---|---|---|
| **1.** | **NAMA PENYELARAS** | SmartGreen PolyCC PKS |
| **2.** | **NAMA PROGRAM** | POLYCC TALENT KALI KE-17 SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2025 |
| **3.** | **TARIKH** | 19-20 April 2025 |
| **4.** | **TEMPOH** | 2 Hari |
| **5.** | **TEMPAT** | Dataran dan Dewan Jubli Perak |
| **6.** | **KUMPULAN SASARAN** | Pelajar Politeknik Kuching dan Kolej Komuniti |
| **7.** | **PENCERAMAH** | |
| **8.** | **PENGENALAN PROGRAM** | Program **PolyCC Talent kali ke-17** telah dianjurkan sempena **Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak 2025** yang berlangsung pada **19 dan 20 April 2025** bertempat di **Dataran Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak**. Program ini merupakan platform tahunan yang menghimpunkan bakat pelajar dari seluruh institusi pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi menonjolkan kreativiti melalui pelbagai persembahan seni seperti nyanyian, persembahan band, fesyen dan tarian. Edisi kali ini membawa tema **"Bumi"**, selari dengan sambutan Hari Bumi, dan memberi penekanan terhadap kesedaran alam sekitar melalui ekspresi seni. |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | **OBJEKTIF PROGRAM** | 1. Mencungkil dan menggilap bakat seni serta kreativiti pelajar.<br>2. Menyemarakkan semangat antara pelajar dan pensyarah.<br>3. Menyokong usaha kesedaran alam sekitar menerusi pendekatan seni dan budaya.<br>4. Membina jalinan hubungan yang erat antara institusi politeknik dan kolej komuniti. |
| 10. | **OUTCOME PROGRAM** | 1. Penyertaan aktif daripada **6 kumpulan terbaik** dalam bidang persembahan.<br>2. Penglibatan langsung pelajar dan pensyarah dalam persembahan kreatif bertemakan alam sekitar.<br>3. Pengiktirafan bakat pelajar melalui penilaian juri profesional<br>4. Peningkatan kesedaran terhadap kelestarian alam melalui medium persembahan seni. |
| 11. | **KERJASAMA STRATEGIK** | |
| 12. | **ELEMEN SUSTAINABILITY (SDG)** | 1. **SDG 4: Kualiti Pendidikan** – Menyediakan platform pembelajaran tidak formal melalui aktiviti kokurikulum yang membangunkan kemahiran insaniah.<br>2. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** – Menggalakkan ekspresi budaya tempatan dan kesedaran alam sekitar dalam komuniti pendidikan<br>3. **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** – Melalui tema bumi, persembahan menyampaikan mesej tentang pemeliharaan sumber dan kelestarian alam.<br>4. **SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat** – Penglibatan pelbagai pihak termasuk institusi pendidikan, usahawan muda dan komuniti setempat. |
| 13. | **IMPAK SOSIAL/ ALAM SEKITAR/ EKONOMI (SDGs)** | 1. **Sosial**: Meningkatkan keyakinan diri pelajar, memupuk semangat kerjasama serta menggalakkan interaksi antara pelajar dan pensyarah.<br>2. **Alam Sekitar**: Menyemai kesedaran tentang pentingnya menjaga alam sekitar melalui pendekatan seni yang mudah difahami dan dihayati masyarakat. |

| | | |
|---|---|---|
| | | 3. **Ekonomi**: Menyokong pembangunan ekonomi belia melalui penglibatan Gerak Usahawan Belia yang memberi peluang promosi dan tajaan, serta merangsang aktiviti ekonomi kecil sepanjang program. |
| **14.** | **GAMBAR PROGRAM** | Seperti Lampiran 1. |
| **15.** | **ULASAN LAPORAN** | Program **PolyCC Talent 17** telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan sambutan yang sangat positif dari peserta dan pengunjung. Kumpulan **Sun Hora** dari Kolej Komuniti Kuching dinobatkan sebagai juara. Penglibatan **Gerak Usahawan Belia** sebagai penaja, yang menyumbang kepada semangat keusahawanan pelajar. Kejayaan penganjuran program ini membuktikan bahawa elemen pendidikan, kesenian dan kelestarian alam sekitar boleh digabungkan secara harmoni. Dengan sokongan daripada pihak pengurusan politeknik, tenaga pengajar, industry dan komuniti, program ini bukan sahaja menonjolkan bakat pelajar tetapi juga mengangkat nilai tanggungjawab sosial terhadap bumi yang kita diami. Diharapkan program seumpama ini akan diteruskan dan diperkasakan pada masa akan datang. |



**Rajah1: Pengarah dijemput menyertai  pertandingan POLYCC TALENT KALI KE-17**




**Rajah 2: Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan POLYCC TALENT KALI KE-17**




**Rajah 3: Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan POLYCC TALENT KALI KE-17**




**Rajah 4: Sesi penggambaran peserta pertandingan POLYCC TALENT KALI KE-17 bersama Pengarah PKS**

.

Disediakan oleh:

……………………………

(SAIFUL IRWAN BIN SARKAWI)

Pensyarah

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

Politeknik Kuching Sarawak

Tarikh: 9/5/2025

Disahkan oleh:

DR. CHEN WONG KEONG
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Politeknik Kuching Sarawak

……………………………

( CHEN WONG KEONG)

Penyelaras Smartgreen Pks

Tarikh: 9/5/2025